

INZOLAM TABLET

Triazolam 0.25mg

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan INZOLAM
2. Bagaimana INZOLAM berfungsi
3. Sebelum mengambil INZOLAM
4. Cara menggunakan INZOLAM
5. Semasa menggunakan INZOLAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan INZOLAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan INZOLAM

Inzolam digunakan untuk merawat masalah tidur, yang juga dikenali sebagai insomnia. Ia sepatutnya digunakan untuk rawatan jangka masa pendek sahaja.

Penggunaan berterusan jangka masa panjang tidak disyorkan kecuali dinasihati oleh doktor anda. Penggunaan benzodiazepina menyebabkan pergantungan kepada ubat.

Walau bagaimanapun, doktor anda mungkin membekalkan Inzolam untuk tujuan lain.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan Inzolam dibekalkan kepada anda.

Bagaimana INZOLAM berfungsi

Inzolam tergolong di dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai benzodiazepina bertindak singkat. Ia bertindak pada bahan kimia dalam otak.

Sebelum mengambil INZOLAM

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Inzolam jika anda:

- mempunyai alahan terhadap *triazolam*, sebarang benzodiazepina yang lain, atau sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di hujung risalah ini.

Beberapa simptom reaksi alahan termasuklah ruam kulit, gatal-gatal, sesak nafas atau bengkak pada muka, bibir atau lidah, yang mungkin menyebabkan kesukaran menelan atau bernafas.

- mempunyai kemurungan atau mengambil *nefazodone*, ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan.
- mengambil ubat untuk merawat jangkitan kulat (*ketoconazole* dan *itraconazole*).
- mempunyai penyakit paru-paru yang teruk dan kronik.
- menghidap penyakit yang menyebabkan kelemahan otot yang teruk, yang dikenali sebagai *myasthenia gravis*.
- hamil atau bercadang untuk hamil. Jangan ambil ubat ini pada masa kelak untuk insomnia melainkan anda pasti bahawa anda tidak hamil.
- menyusukan bayi atau bercadang untuk menyusukan.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang tercetak pada pek ini.

Jika anda mengambil ubat ini selepas tarikh luputnya, ia mungkin tidak berkesan.

Jangan mengambil ubat ini jika pembungkusan koyak atau terdapat tanda salahguna.

Inzolam tidak disyorkan untuk penggunaan di kalangan kanak-kanak. Jangan beri ubat ini kepada kanak-kanak melainkan dinasihati oleh doktor.

Keselamatan dan keberkesanan Inzolam di kalangan pesakit dibawah umur 18 belum dipastikan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Sebelum mula mengambil

Anda mestilah memberitahu doktor anda jika:

Anda pernah mempunyai alahan terhadap Inzolam, mana-mana benzodiazepina atau sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di hujung risalah ini.

Anda mempunyai sebarang alahan terhadap:

- mana-mana ubat yang lain
- mana-mana bahan lain seperti makanan, pengawet atau pewarna

Anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan termasuklah:

- penyakit hati, buah pinggang, jantung atau paru-paru
- apnea tidur (apabila bernafas sama ada perlahan atau berhenti untuk tempoh masa yang pendek semasa tidur)
- sawan
- tekanan darah tinggi atau rendah
- glaukoma (tekanan tinggi dalam mata)

- kemurungan, psikosis atau *skizofrenia*

Anda mempunyai ketagihan kepada sebarang dadah termasuklah alkohol.

Alkohol mungkin meningkat kesan Inzolam.

Anda telah mengalami satu episod memandu, menyediakan dan memakan makanan, membuat panggilan telefon atau berkelakuan yang lain semasa tidak mempunyai kesedaran sepenuhnya setelah mengambil Inzolam atau pil tidur yang lain.

Anda hamil atau bercadang untuk hamil.

Anda menyusukan bayi atau bercadang untuk menyusukan.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil Inzolam.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Jangan mengambil sebarang jus limau gedang jika anda mengambil pil Inzolam kerana jus limau gedang mungkin mempengaruhi Inzolam.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu mana-mana ahli perubatan yang mempreskripsikan ubat baru untuk anda bahawa anda mengambil Inzolam.

Sesetengah ubat dan Inzolam boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuklah:

- ubat tidur yang lain, sedatif
- ubat untuk kemurungan, keseimbangan atau gangguan mood

- ubat untuk alahan, contohnya antihistamina, atau pil selsema
- ubat pelega otot
- ubat untuk mengawal sawan
- ubat tahan sakit
- antibiotik (*erythromycin, clarithromycin*)
- *cimetidine*, ubat yang digunakan untuk merawat refluks dan ulser
- ubat yang digunakan untuk pelbagai masalah jantung (*verapamil dan diltiazem*)
- *disulfiram*, ubat yang digunakan untuk mengawal masalah alkohol
- ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan kulat (*ketconazole, itraconazole*)

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh Inzolam atau mungkin menjejaskan fungsinya.

Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Inzolam.

Cara menggunakan INZOLAM

Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa orang dewasa ialah 0.25 mg (1 biji) diambil sebelum tidur.

Untuk warga tua atau seseorang yang lemah badan, dos yang disyorkan adalah 0.125mg hingga 0.25mg.

Kadang-kala doktor anda akan mengesyorkan anda untuk mengambil kuantiti yang kurang daripada yang ini, jarang sekali mereka akan mengesyorkan

anda untuk mengambil lebih banyak.

Patuhi semua arahan doktor atau ahli farmasi anda tentang kuantiti ubat yang perlu diambil.

Bila perlu digunakan

Inzolam sepatutnya diambil seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Berapa lama perlu digunakan

Jangan mengambil Inzolam lebih lama daripada yang diarahkan oleh doktor anda.

Inzolam sepatutnya diambil untuk jangka masa yang pendek sahaja. Penggunaan berterusan jangka masa panjang tidak disyorkan kecuali dinasihati oleh doktor anda. Penggunaan benzodiazepina boleh menyebabkan pergantungan kepada ubat.

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti sama ada anda patut berhenti mengambil ubat ini.

Jika terlupa menggunakan

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan menggantikan dos yang tertinggal dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama.

Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diinginkan.

Jika tidak ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda sukar mengingat masa untuk mengambil pil anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Inzolam, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Laporkan juga sebarang ubat lain atau alkohol yang diambil.

Simptom-simptom terlebih dos:

- mengantuk
- kekeliruan mental
- lesu
- ataksia (gangguan koordinasi otot, mengakibatkan pergerakan otot menjadi tidak teratur)
- hipotonia (keadaan kekurangan ketegangan pada otot)
- hipotensi (tekanan darah rendah)
- depresi pernafasan
- koma

Semasa menggunakan INZOLAM

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Inzolam seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Inzolam.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil ubat ini.

Kerap berbincang dengan doktor anda sebarang masalah atau kesukaran, semasa atau selepas mengambil Inzolam.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil Inzolam.

Jumpa doktor anda untuk menjalani pemeriksaan tetap.

Doktor anda perlu memeriksa perkembangan anda dan memastikan sama ada anda perlu terus mengambil Inzolam.

Beritahu doktor anda, jika atas sebab-sebab tertentu, anda tidak mengambil Inzolam seperti yang diarahkan.

Jika tidak, doktor anda mungkin mengubah rawatan anda tanpa keperluan.

Jangan biarkan diri anda kehabisan pil Inzolam pada hujung minggu atau semasa bercuti.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Ubat ini hanya dibekalkan untuk penggunaan di kalangan pesakit yang ditunjukkan.

Jangan mengambil Inzolam untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan mengambil Inzolam lebih lama daripada yang diarahkan oleh doktor anda.

Inzolam sepatutnya diambil untuk jangka masa yang pendek sahaja melainkan dinasihati oleh doktor anda.

Jangan mengubah dos anda tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan berhenti mengambil Inzolam walaupun keadaan anda bertambah baik, tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jika anda tiba-tiba berhenti mengambil Inzolam, keadaan anda akan bertambah teruk atau peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini akan meningkat.

Untuk mencegah keadaan ini, doktor anda akan mengurangkan secara beransur-ansur jumlah Inzolam yang anda ambil setiap hari sebelum menghentikannya sepenuhnya.

Jangan mengambil sebarang ubat lain yang boleh menyebabkan rasa mengantuk semasa anda mengambil Inzolam, melainkan disyorkan oleh doktor anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Inzolam mempengaruhi anda.

Inzolam boleh menyebabkan rasa mengantuk atau pening di kalangan sesetengah orang. Oleh itu, ia mungkin menjejaskan kecerdasan.

Walaupun anda mengambil Inzolam pada waktu malam, anda berkemungkinan masih rasa mengantuk atau pening pada keesokan harinya. Anda perlu berhati-hati jika tidak mendapat tidur yang mencukupi pada waktu malam. Pesakit haruslah berhati-hati semasa melintas jalan.

Berhati-hati jika minum alkohol semasa mengambil Inzolam.

Gabungan Inzolam dan alkohol boleh menyebabkan anda lebih mengantuk, pening atau gayang.

Alkohol boleh meningkatkan risiko tidur berjalan atau kelakuan lain seperti memandu atau makan semasa tidur.

Kadang-kala perbuatan ini tidak diingati oleh pesakit yang mengambil Inzolam. Risiko kelakuan ini akan meningkat jika anda mengambil kuantiti yang lebih daripada dos yang disarankan.

Doktor anda mungkin akan mencadangkan anda untuk mengelakkan alkohol atau mengurangkan kuantiti alkohol

yang diambil semasa anda mengambil Inzolam.

Berhati-hati jika anda adalah orang tua, rasa tidak sihat atau mengambil sebarang ubat lain.

Sesetengah orang mungkin mengalami kesan sampingan seperti rasa mengantuk, kekeliruan, pening atau ketidakseimbangan, yang mungkin akan meningkatkan risiko jatuh.

Kesan-kesan sampingan

Sebagai ubat lain, Inzolam boleh membawa kesan sampingan di kalangan sesetengah orang. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- rasa mengantuk pada waktu siang
- keletihan
- gaiting dan pening
- kesukaran menumpu
- sakit kepala

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Inzolam

Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknyanya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknyanya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat yang sejuk dan kering pada suhu bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Inzolam atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

Jangan simpan Inzolam selepas tarikh luputnya.

Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Inzolam atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Pil berbentuk bujur, berwarna biru, bergores dan bertanda 'DUO 861' dan 'd/d'.

Bahan-bahan kandungan Bahan aktif:

- Triazolam

Bahan tidak aktif:

- Aerosil
- Avicel
- Promigel
- Tepung jagung
- Sodium benzoate
- Sodium lauryl sulphate
- Pewarna biru
- Magnesium stearate
- Laktosa

Nombor MAL

MAL20041071A

Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

25/09/2014

Nombor siri

BPFK(R4/1)230914/00021